

# Notis Privasi Global Otis

Otis Worldwide Corporation dan subsidiari serta sekutunya (secara kolektif, "Otis") menghormati privasi anda. Kami menggunakan langkah-langkah teknikal, pentadbiran dan fizikal untuk melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepada kami.

Kami mengumpul maklumat melalui hubungan berkontrak, surat-menyurat kami, interaksi anda dengan tapak web kami dan melalui media sosial, melalui aplikasi kami dan dalam interaksi kami dengan pengguna akhir bagi produk kami, yang kesemuanya ditadbir oleh Notis Privasi Global Otis Elevator ("Notis Privasi Otis") kecuali dinyatakan atau dipersetujui sebaliknya.

Maklumat peribadi Pekerja kami dan maklumat mereka yang meminta pekerjaan dengan kami dikawal oleh Notis Privasi Pekerja Otis dan Notis Privasi Pemohon Pekerjaan Otis.

Notis Privasi Global Otis ini ("Notis Privasi Otis") menerangkan amalan kami yang berkaitan dengan pengumpulan dan pemprosesan maklumat peribadi secara umum. Otis mematuhi keperluan undang-undang yang berkenaan dan mengelak daripada mengumpul atau menggunakan maklumat peribadi di sebuah lokasi atau dengan cara yang dilarang oleh undang-undang tempatan. Dengan menyediakan maklumat peribadi dan maklumat lain kepada kami, anda bersetuju dengan terma dan syarat Notis Privasi ini.

## Apakah maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh OTIS?

Jenis data yang dikumpulkan oleh Otis disenaraikan di bawah ini. Oleh sebab Notis Privasi Otis ini merangkumi pelbagai situasi, mungkin terdapat elemen data disenaraikan di sini yang tidak berkenaan dengan situasi khusus anda. Sila hubungi kami seperti yang diterangkan dalam bahagian "[Cara untuk menghubungi Otis](#)" (*terletak di hujung dokumen*) di bawah jika anda mempunyai apa-apa soalan.

- Nama, termasuk nama yang diberikan, nama keluarga, nama tengah dan sebarang akhiran (seperti Jr. atau Sr.) dan penghormatan (seperti Tuan atau Puan)
- Maklumat asas pengenalanpastian, seperti tarikh lahir, jantina dan/atau hubungan dengan Otis (cth., pekerja, saudara pekerja, benefisiari, pelanggan, pengguna akhir, pembekal)
- Negara kelahiran, kewarganegaraan yang dimiliki (pada masa lalu dan sekarang) dan status kediaman tetap, seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan
- Keutamaan bahasa dan komunikasi
- Maklumat hubungan di tempat kerja, termasuk nombor telefon, alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan lokasi tempat kerja
  
- Alamat rumah, alamat e-mel peribadi dan nombor telefon rumah, termasuk nombor telefon mudah alih peribadi
- Maklumat hubungan kecemasan (yang mungkin termasuk maklumat peribadi pihak ketiga yang anda berikan kepada kami)
- Lokasi peranti, termasuk data lokasi geografi dan data pengesanan keselamatan lain daripada peranti pengkomputeran peribadi anda atau telefon bagi jenis pekerja, vendor tertentu mengikut kontrak dan pelanggan serta pengguna akhir yang memilih untuk turut serta

- Maklumat dan log komputer, rangkaian dan komunikasi Otis yang meliputi penggunaan telefon, komputer, komunikasi elektronik (seperti e-mel dan kalendar elektronik),
- Maklumat tentang cara anda atau syarikat anda melibatkan diri dengan produk dan perkhidmatan Otis, termasuk keutamaan peribadi anda
- Butiran pekerjaan termasuk nama jawatan, jabatan, fungsi tugas, pusat kos dan nama penyelia dan pembantu anda
- Butiran majikan termasuk nama syarikat, lokasi syarikat, alamat syarikat dan bidang kuasa perbadanan
- Pengalaman kerja, pendidikan dan sejarah pekerjaan, kategori kemahiran termasuk kemahiran bahasa, lesen, pensijilan, kebenaran untuk melakukan kerja tertentu, keahlian kepada persatuan perdagangan atau kesatuan sekerja yang mengambil bahagian atau keahlian kepada organisasi profesional
- Maklumat latihan, pembangunan dan penilaian prestasi
- Penugasan kerja dan produk kerja yang mungkin termasuk hubungan dengan anda, seperti tetapi tidak terhad kepada dokumen dan fail dengan anda yang dikenal pasti sebagai pengarang dan tugas yang diberikan kepada anda atau syarikat anda
- Maklumat khidmat tentera seperti yang diperlukan oleh undang-undang berkenaan atau seperti yang diserahkan kepada kami secara sukarela
- Maklumat alam sekitar, kesihatan dan keselamatan termasuk maklumat berkenaan kecederaan
- Perjanjian, program dan aktiviti yang anda sertai
- Maklumat bayaran dan berkaitan dengan invois, termasuk nombor pengenalan kerajaan dan nombor akaun bank
- Maklumat yang dikumpulkan melalui tinjauan atau promosi sukarela atau melalui penggunaan produk atau perkhidmatan
- Rekod sebarang kejadian yang berlaku di premis Otis, di dalam atau berkenaan Otis kenderaan atau di lokasi pelanggan jika lif diselenggarakan atau dibuat oleh Otis
- Maklumat perjalanan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penugasan kerja, termasuk maklumat visa, butiran perbelanjaan bagi sebarang perbelanjaan yang diserahkan untuk dibayar oleh Otis dan maklumat yang dikutip daripada audit yang dijalankan bagi memastikan pematuhan dengan dasar perjalanan atau terma kontrak vendor
- Maklumat yang dikumpulkan sebagai sebahagian daripada penugasan atau akses kepada pelanggan tertentu atau kemudahan Otis, seperti data masa dan kehadiran, maklumat rencana, fotograf, audio, video, maklumat biometrik (cth. cap jari, imbasan iris atau pengecaman suara) atau data lokasi geografi yang digunakan untuk peranan atau tugas tertentu tetapi pengumpulan seumpama itu akan diketahui, telus dan selaras dengan undang-undang yang berkenaan
- Saringan diperlukan seperti pemeriksaan perubatan, saringan dadah (di mana dibenarkan) dan pemeriksaan latar belakang seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan
- Maklumat yang mungkin diperlukan untuk peraturan pematuhan dagangan antarabangsa membenarkan akses anda kepada teknologi, produk tertentu atau yang mungkin diperlukan bagi tugas atau lawatan tertentu seperti yang diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan
- Nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan (secara keseluruhan atau sebahagian), seperti nombor pengenalan cukai, nombor pengenalan yang diberikan oleh Otis, nombor keselamatan sosial/insurans, nombor lesen pemandu, visa, pasport atau nombor dokumen lain yang dikeluarkan oleh kerajaan
- Kelayakan untuk berkhidmat sebagai vendor, termasuk maklumat tentang konflik kepentingan yang mungkin melibatkan rujukan pihak ketiga
- Maklumat pelawat, termasuk masa, tarikh dan lokasi lawatan, maklumat mengenai kenderaan bagi tujuan meletakkan kenderaan dan maklumat yang diperlukan bagi menyimpan log pelawat dan untuk menjalankan saringan terhadap pihak yang dilarang
- Menyenaikan hadiah yang mungkin telah diberikan kepada anda atau diterima daripada anda (kecil atau sebaliknya)

- Maklumat lokasi bagi tapak tertentu yang menyediakan perkhidmatan berdasarkan lokasi, seperti peta, akses kepada pencetak berdasarkan lokasi atau ketersediaan bilik persidangan yang berdekatan tetapi pengumpulan seumpama itu akan diketahui dan telus
- Maklumat berkenaan dengan penyertaan anda dalam persidangan atau mesyuarat termasuk tanpa batasan, maklumat tempahan hotel, maklumat penerbangan termasuk lapangan terbang, nombor penerbangan dan waktu ketibaan dan pelepasan, keutamaan atau larangan pemakanan dan pengiring perjalanan
- Maklumat yang diberikan untuk memudahkan perkhidmatan atau meminta bantuan, seperti sekiranya terperangkap dalam lif atau panggilan ke pejabat Otis atau kepada pusat panggilan OtisLine™ kami
- Maklumat yang diperlukan untuk memproses tuntutan atau memberi manfaat atau perkhidmatan yang diminta, yang mungkin termasuk maklumat kesihatan, nombor pengenalan kerajaan, maklumat lokasi atau maklumat lain yang diperlukan bagi Otis memproses tuntutan tersebut dengan sewajarnya
- Apa-apa maklumat yang dipilih oleh seorang individu untuk disertakan dalam dokumen yang menjadi sebahagian daripada prosiding undang-undang yang melibatkan Otis.

## Bagaimanakah OTIS mungkin akan menggunakan maklumat peribadi yang dikumpulkannya?

Otis akan menggunakan maklumat peribadi anda hanya bagi kepentingan perniagaan yang sah, bagi memenuhi kewajipan undang-undang atau memenuhi kewajipan berkontrak kami seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi Global Otis ini. Oleh sebab Notis Privasi Otis ini merangkumi pelbagai situasi, mungkin terdapat penggunaan yang disenaraikan satu-persatu di sini yang tidak berkenaan dengan situasi khusus anda. Sila hubungi kami seperti yang diterangkan dalam bahagian “Cara untuk menghubungi Otis” di bawah jika anda mempunyai apa-apa soalan. Otis mungkin akan menggunakan data anda untuk:

- Menjalankan operasi perniagaan biasa, termasuk mengurus komitmen berkontrak kami, kewajipan kami kepada pengawal atur dan pihak berkuasa, pengurusan pembekal, penglibatan dengan pelanggan dan pembangunan produk dan perkhidmatan baharu
- Menyediakan maklumat, item atau perkhidmatan yang anda minta, ini mungkin termasuk penggunaan data lokasi geografi untuk aplikasi tertentu bagi memudahkan perkhidmatan seperti memberi akses kepada sebuah bangunan atau lif atau membolehkan ciri bersepadu perkhidmatan lif kami
- Menyediakan kepada anda perkhidmatan tersuai dan kandungan yang berkenaan dengan keperluan dan kepentingan khusus anda
- Mengurus pangkalan data operasi setempat dan pusat kami termasuk tanpa batasan, alat perancangan sumber kami (ERP), pangkalan data pelanggan kami dan pangkalan pusat panggilan OtisLine™ kami
- Menilai keberkesanan kempen pemasaran dan media sosial kami, kebergunaan produk dan perkhidmatan kami (termasuk aplikasi kami) dengan menjejaki prestasi, menilai penglibatan dan menjalankan analitik perniagaan
- Membangunkan tawaran baharu, menambah baik kualiti produk kami, menambah baik pengalaman pengguna peribadi dan menyediakan produk dan kandungan masa hadapan dengan lebih baik berdasarkan kepentingan kolektif pengguna kami
- Mengurus invois dan bayaran akaun belum bayar dan akaun belum terima
- Memberikan respons kepada situasi yang melibatkan risiko kesihatan atau keselamatan, termasuk dalam situasi kecemasan dan penempatan inisiatif keselamatan

- Menyediakan program dan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan, termasuk saringan dadah (ini mungkin termasuk saringan kesihatan di tapak, pensijilan kesihatan tahunan seperti yang diperlukan oleh undang-undang di sesetengah bidang kuasa dan saringan dadah jika dibenarkan dan didapati sesuai atau wajar)
- Mengurus keselamatan fizikal, termasuk pengeluaran kawalan akses dan persediaan bencana
- Mengurus, menjaga dan melindungi sistem teknologi maklumat, seperti rangkaian komputer, e-mel, akses Internet dan akses kepada sistem berkaitan dengan produk kami, aktiviti seumpama itu termasuk
  - Mengesahkan identiti anda untuk kawalan akses dan keselamatan bagi komputer dan lain-lain sistem
  - Internet, intranet, e-mel, media sosial and akses sistem elektronik yang lain
  - Imbasan dan analitik virus, pencerobohan dan ancaman dalaman
  - Penciptaan dan analisis log bagi tujuan keselamatan dan meja bantuan
  - Menyediakan sokongan meja bantuan dan aktiviti penyelenggaraan sistem
  - Membuat sandaran dan mendapatkan semula data serta menyediakan khidmat pemulihan bencana
- Menjalankan analisis pelaporan dan statistik, termasuk maklumat kiraan kepala global, demografi dan yang berkenaan dengan kos
- Menyelia penjejakan lokasi, tempoh dan telematik lain bagi aset tertentu dan untuk permohonan bagi pengurusan perkhidmatan yang disediakan, perlindungan, keselamatan, kecekapan dan kemudahan anda
- Memastikan dan mengesahkan pematuhan dengan kawalan import, eksport dan perdagangan antarabangsa yang lain, termasuk mengurus pendaftaran dan kebenaran, menentukan akses kepada teknologi dan/atau komoditi terkawal serta menyaring bagi negara atau pihak yang disekat atau dilarang.
- Memberi respons kepada soalan etika, kebimbangan dan aduan
- Menjalankan audit dan semakan pematuhan dan penyiasatan antarabangsa (termasuk yang menyebabkan tuduhan dibawa kepada perhatian kami) bagi memastikan dan mengesahkan pematuhan dengan dasar, peraturan dan undang-undang yang berkenaan, pematuhan etika dan dagangan serta melaporkan dapatan yang diperolehi dan pendedahan kepada kepimpinan, pengurusan kami dan apabila sesuai atau diperlukan atau wajar, kepada pengawal selia
- Menilai dan melaporkan konflik kepentingan (termasuk menjejaki hadiah perniagaan)
- Menangani isu alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, termasuk tuntutan kecederaan dan kerosakan dan pelaksanaan kawalan dan tindakan pembetulan
- Mendakwa, membela dan merundingkan tuntutan yang boleh termasuk prosiding litigasi, timbang tara, pentadbiran atau pengawalan, termasuk aktiviti prapertikaian seperti pengantaraan, penemuan dan pengumpulan bukti
- Melindungi dan menjaga hak milik intelektual, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemfailan paten
- Meramal dan merancang operasi perniagaan kami
- Merancang, menilai atau melaksanakan penggabungan, penyahlaburan (termasuk aktiviti usaha wajar dan penyepaduan)
- Menyokong penjualan atau pemindahan kesemua atau sebahagian daripada perniagaan atau aset kami (termasuk melalui kemuflihan)
- Memudahkan pengurusan pelabur dan aktiviti perkhidmatan pelabur
- Mendokumenkan penyertaan dalam persatuan perdagangan dan organisasi profesional
- Mentadbir kempen pemasaran dan jualan serta tinjauan pelanggan
- Mengurus usaha sama, saluran pengedaran dan hubungan wakil jualan
- Seperti yang dijangka secara munasabah atau seperti yang dibenarkan dengan jelas oleh undang-undang atau peraturan yang berkenaan

Otis mungkin memindahkan data anda kepada pihak ketiga untuk membantu Otis dalam menjalankan perniagaannya seperti yang diterangkan di sini. Tetapi Otis tidak akan menjual data anda.

## **Adakah Otis menggunakan maklumat peribadi anda untuk menghubungi anda?**

Ya. Selain menghubungi anda seperti yang diterangkan di atas, Otis juga mungkin akan menggunakan maklumat yang dikumpulkannya untuk berkomunikasi dengan anda mengenai produk dan perkhidmatan baharu dan diubah suai yang ditawarkan oleh Otis atau tawaran khas mahupun pertandingan lain. Otis mungkin akan menggunakan maklumat tersebut untuk memaklumkan kepada anda tentang sebarang kebimbangan keselamatan. Otis sudah pasti akan memastikan sebarang komunikasi pemasaran menyediakan kaedah yang mudah untuk anda memilih tidak turut serta atau menyahlanggan.

## **Adakah OTIS berkongsi maklumat anda dengan pihak ketiga?**

Otis tidak akan menjual maklumat peribadi anda. OTIS mungkin berkongsi maklumat peribadi anda di luar kumpulan syarikat Otis dengan:

- Penyedia perkhidmatan yang telah dikekalkan oleh Otis untuk melakukan perkhidmatan bagi pihak kami atau bagi pihak klien pembinaan kami menurut kontrak yang menyekat perkongsian lanjut maklumat anda kecuali untuk menjalankan perkhidmatan yang kami kontrakkan atau yang mungkin diperlukan untuk mematuhi keperluan undang-undang, sebagai contoh, penyedia perkhidmatan awam, penyedia sistem dan perisian atau konsultan perniagaan.
- Mematuhi kewajipan undang-undang, seperti perintah untuk memberi respons kepada permintaan undang-undang yang sah daripada pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang atau pengawal selia kerajaan yang lain;
- Menyiasat aktiviti haram atau tidak beretika yang disyaki atau sebenar;
- Mencegah kecederaan fizikal atau kerugian kewangan; atau
- Menyokong penjualan atau pemindahan kesemua atau sebahagian daripada perniagaan atau aset kami (termasuk melalui kemuflihan). Melindungi hak akses kepada kemudahan Otis atau pelanggan bagi kakitangan pembekal dan subkontraktor kami;

Untuk individu yang berinteraksi dengan Otis di tapak media sosial, Otis mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada kenalan yang dikaitkan dengan akaun media sosial anda dan Otis, kepada pengguna tapak web yang lain dan kepada penyedia akaun media sosial anda berhubung dengan aktiviti perkongsian sosial anda yang berkenaan dengan Otis, termasuk sebarang cepu lumba kuda atau pertandingan yang anda mungkin sertai di tapak web kami. Sekiranya anda memilih untuk menyiarkan maklumat di papan mesej, perkhidmatan sembang, halaman profil, blog dan perkhidmatan lain yang anda dapat menyiarkan maklumat dan bahan (termasuk tanpa batasan, halaman Media Sosial kami), komunikasi seperti itu sudah pasti akan tertakluk pada notis privasi platform media sosial yang menyiarkan kandungan anda. Otis tidak bertanggungjawab bagi platform tersebut.

## **Adakah Otis memindahkan maklumat peribadi ke negara lain?**

Oleh sebab Otis adalah sebuah syarikat global dengan lokasi di pelbagai negara, kami mungkin akan memindahkan maklumat anda dari satu entiti yang sah ke entiti lain atau dari satu negara ke negara lain bagi mencapai tujuan yang disenaraikan di atas. Kami akan memindahkan maklumat peribadi anda selaras dengan keperluan undang-undang yang berkenaan.

Otis bergantung pada mekanisme undang-undang yang ada untuk membolehkan pemindahan maklumat peribadi secara sah merentasi sempadan.

## **Bagaimanakah Otis menggunakan kuki atau teknologi penjejakan lain?**

Otis mungkin menggunakan kuki di tapak web dan aplikasinya. Kuki ialah fail teks kecil yang dihantar dan disimpan pada komputer pengguna yang membenarkan tapak web untuk mengenali pengguna berulang, memudahkan akses pengguna ke tapak web dan membolehkan tapak web untuk mengumpulkan data agregat bagi tujuan penambahbaikan kandungan. Kuki tidak merosakkan komputer atau fail pengguna. Jika anda tidak mahu kuki diakses dengan cara ini atau mana-mana tapak web atau aplikasi Otis lain, anda harus melaraskan tetapan pada program pelayar anda atau sistem dalam peranti elektronik anda untuk menafikan atau melumpuhkan penggunaan kuki. Harap maklum bahawa dengan berbuat demikian, anda mungkin menjejaskan atau melumpuhkan sepenuhnya kebolehan anda untuk menggunakan fungsi penuh tapak web, aplikasi komputer dan mudah alih Otis dan platform media sosial.

Apabila anda berada dalam tapak web Otis, anda harus mengetahui bahawa OTIS memantau pola trafik pengguna mengikut nama domain, jenis pelayar, tarikh dan masa akses pengguna serta halaman yang dilihat. Maklumat ini dikumpulkan bagi mengukur bilangan pelawat ke tapak web kami dan untuk menentukan bahagian tapak web yang didapati berguna oleh pelawat kami. Otis menggunakan maklumat ini untuk meningkatkan pengalaman pelawat dan menyediakan kandungan masa hadapan yang lebih baik. Seorang pelawat ke tapak web kami mungkin akan diminta untuk menyediakan maklumat peribadi. Dalam keadaan yang demikian, pengumpulan maklumat peribadi akan disediakan kepada anda secara telus. Anda akan diberikan peluang untuk tidak berkongsi maklumat peribadi seumpama itu, tetapi ketahuilah bahawa keputusan anda untuk tidak memberikan maklumat tertentu boleh mengurangkan fungsi atau malah mengehadkan keupayaan anda untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam tawaran tapak web itu. Penyedia perkhidmatan mudah alih anda juga mungkin akan mengenakan dasar privasinya sendiri ke atas penggunaan peranti mereka. Otis tidak bertanggungjawab dan tidak mengawal cara orang lain mungkin mengumpulkan dan memproses maklumat peribadi anda.

## **Apakah yang harus anda fahami tentang pautan pihak ketiga yang mungkin muncul di tapak web ini?**

Dalam sesetengah keadaan, Otis mungkin menyediakan pautan kepada tapak web yang tidak dikawal oleh Otis, yang Otis akan mengambil usaha yang munasabah untuk mengenal pastinya. Namun Otis tidak mengawal tapak web pihak ketiga seumpama itu dan tidak boleh bertanggungjawab bagi kandungan atau amalan privasi yang digunakan oleh tapak web itu.

## **Berapa lamakah Otis menyimpan maklumat peribadi anda?**

Otis akan menyimpan maklumat peribadi selagi yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan kontrak dan undang-undangnya. Jika maklumat peribadi tersebut tidak tertakluk kepada kewajipan kontrak atau undang-undang, Otis akan menyimpan data itu selagi diperlukan bagi tujuan asal maklumat itu dikumpulkan. Sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan dalam talian mengenai seseorang pengguna yang belum mengakses tapak web Otis, aplikasi atau tapak media akan dipadamkan daripada fail kami dalam tempoh masa yang berpatutan melainkan dilarang oleh undang-undang yang berkenaan atau diperlukan untuk memenuhi kewajipan kontrak kami.

## **Apakah pilihan yang saya ada berhubung dengan maklumat peribadi anda?**

Apabila mungkin, Otis akan menyediakan anda dengan peluang untuk menentukan sama ada untuk memberikan maklumat peribadi anda. Mungkin terdapat keadaan yang anda tidak akan disediakan dengan pilihan, seperti bagi tujuan keselamatan IT, seperti penyaringan virus dan perisian hasad untuk individu yang mempunyai akses kepada rangkaian Otis. Sesetengah bidang kuasa memberi hak individu, termasuk hak untuk meminta akses, pembetulan dan kemas kini kepada maklumat peribadi mereka. Otis akan memberi respons segera kepada permintaan seperti itu dan akan mematuhi semua keperluan undang-undang berkenaan dengan maklumat peribadi anda. Otis akan menggunakan usaha yang berpatutan untuk mengemas kini maklumat tepat pada masanya dan apabila diperlukan oleh undang-undang, akan mengeluarkan maklumat peribadi anda daripada fail Otis. Untuk melindungi privasi dan keselamatan pengguna, Otis akan mengambil langkah-langkah untuk mengesahkan identiti pengguna sebelum membuat sebarang perubahan yang diminta. Untuk mengakses, menukar atau memadam maklumat peribadi anda, untuk mengemukakan soalan atau kebimbangan, sila hantarkan e-mel kepada Otis di [privacy@otis.com](mailto:privacy@otis.com). Sesetengah daripada tapak web, aplikasi dan akaun media sosial kami membolehkan anda untuk membuat pembetulan secara langsung di tapak tersebut tanpa perlu menghubungi Otis lagi.

Di negara tertentu, seperti negara dalam Kesatuan Eropah, anda berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data negeri atau negara, yang juga mungkin dikenali sebagai pihak berkuasa penyeliaan.

Harap maklum bahawa sementara kami akan membantu anda dalam melindungi maklumat peribadi anda, terpujang kepada anda untuk melindungi kata laluan anda dan kelayakan akses lain daripada pihak lain.

## MAKLUMAT UNTUK SEKUMPULAN ORANG TERTENTU

### Untuk individu di Connecticut dan bahagian lain Amerika Syarikat

Otis tidak mengumpul Nombor Keselamatan Sosial melalui tapak web atau aplikasinya. Namun, Otis mengumpul Nombor Keselamatan Sosial yang diperlukan oleh undang-undang, seperti untuk tujuan cukai. Apabila Otis mengumpulkan dan/atau menggunakan Nombor Keselamatan Sosial, Otis akan berhati-hati dengan melindungi kerahsiaan, mengehadkan pengumpulan, memastikan akses atas dasar perlu tahu dan melaksanakan perlindungan teknikal yang sesuai dan memastikan pembuangan secara wajar.

### Untuk Penduduk California

Di bawah Akta Privasi Pengguna California (CCPA), penduduk California mempunyai hak tertentu berkenaan maklumat peribadi mereka seperti yang disenaraikan satu persatu dalam Kod California dalam bahagian 1798.110, 1798.115 dan 1798.125, ini termasuk hak untuk:

- meminta butiran tentang maklumat peribadi yang Otis ada tentang anda, termasuk kategori maklumat, tujuan kami menggunakannya, dengan siapa kami berkongsi dan maklumat khusus, jika ada, yang kami ada tentang anda sebagai seorang individu;
- meminta data anda dipadamkan; dan
- mengarah Otis untuk tidak menjual data anda, (NOTA: Otis tidak menjual maklumat peribadi).

Nota: Hak dalam bahagian Notis Privasi Otis kami tidak dilanjutkan kepada penduduk California yang memohon atau yang berinteraksi dengan Otis sebagai pekerja atau mereka yang Otis mempunyai maklumat anda kerana hubungan anda dengan pekerja kami (seperti ahli keluarga yang menerima manfaat kesihatan atau hubungan kecemasan), kontraktor, pemohon pekerjaan atau mereka yang maklumatnya ada pada kami kerana hubungan dengan pemohon pekerjaan kami (seperti rujukan) dan mereka yang maklumatnya ada pada kami hasil daripada interaksi perniagaan-dengan-perniagaan (seperti kakitangan pelanggan atau vendor perniagaan).

Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan atau ingin menggunakan hak anda di bawah peruntukan, anda harus menghubungi Otis sama ada dengan menghubungi 833-833-3001 atau menghantar e-mel kepada kami di [privacy@otis.com](mailto:privacy@otis.com).

Sila berikan nama anda, cara untuk Otis menghubungi anda (seperti alamat e-mel), hubungan anda dengan Otis (pelanggan, vendor, salah seorang orang awam yang menggunakan) dan tindakan khusus yang anda ingin kami ambil. Kami akan meminta untuk mengesahkan identiti anda dan untuk menentukan bagaimana jika sebarang maklumat peribadi anda mungkin kami miliki. Kami akan menjawab dalam masa 30 hari mengenai pertanyaan anda. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin tidak dapat memenuhi permintaan anda tetapi kami akan memberikan sebabnya kepada anda.



Otis tidak akan menjual data peribadi anda tetapi mungkin akan berkongsinya dengan pihak ketiga seperti yang diterangkan di atas dalam bahagian Dasar Privasi Otis ini yang dilabelkan **Adakah Otis berkongsi maklumat anda dengan pihak ketiga?** Apabila kami berkongsi dengan pihak ketiga, ia akan dilakukan mengikut terma yang mengehendakan apa yang boleh dilakukan oleh vendor kami dengan maklumat peribadi anda.

Selain itu, "Shine the Light Law" California, memberi penduduk California hak untuk meminta maklumat setiap tahun tentang cara Otis berkongsi maklumat peribadi dengan perniagaan lain bagi penggunaan pemasaran langsung mereka sendiri. Namun, kami mengambil maklum bahawa Otis tidak akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan perniagaan lain bagi penggunaan pemasaran langsung mereka sendiri.

### **Untuk individu di negara yang mempunyai undang-undang privasi (termasuk EU)**

Anda berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data negeri atau negara, yang juga mungkin dikenali sebagai pihak berkuasa penyeliaan. Anda juga berhak untuk: (a) menarik balik keizinan, (b) meminta akses dan pembetulan atau pemadaman maklumat peribadi anda, (c) meminta larangan ke atas atau membantah pemrosesan maklumat peribadi tertentu dan (d) meminta kemudahan data dalam keadaan tertentu. Otis akan menggunakan data anda dalam pembuatan keputusan automatik atau bagi tujuan yang tidak didedahkan kepada anda. Untuk menghubungi Otis tentang hak ini atau untuk butiran khusus bagi pengawal data atau untuk menghubungi Pegawai Perlindungan Data tempatan, sila gunakan alamat e-mel [privacy@otis.com](mailto:privacy@otis.com) dan kami akan menghalakan pertanyaan anda kepada orang yang sesuai.

### **Untuk ibu bapa dan penjaga yang sah**

Walaupun tapak web OTIS tidak diarahkan pada kanak-kanak, OTIS komited untuk mematuhi semua undang-undang dan keperluan yang berkenaan, seperti Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-kanak di Amerika Syarikat dan Peraturan Perlindungan Data Umum ("GDPR") di Kesatuan Eropah (apabila berkuat kuasa). OTIS tidak secara sedar, mengumpul maklumat daripada kanak-kanak bawah usia 13 tahun (kecuali tanggungan pekerja atau benefisiari lain). Jika OTIS mendapat tahu bahawa maklumat peribadi berkenaan seorang kanak-kanak bawah usia 13 tahun (selain tanggungan pekerja atau benefisiari lain, termasuk biasiswa Otis atau pemenang anugerah) telah diberikan, OTIS akan memadam maklumat itu daripada sistemnya.

## **Bagaimanakah Otis mungkin mengubah dasar ini?**

Sambil Otis mengembangkan dan menambah baik tapak web ini, kami mungkin perlu mengemas kini dasar ini. Dasar ini boleh diubah suai dari semasa ke semasa tanpa notis awal. Kami menggalakkan anda untuk menyemak dasar ini secara tetap bagi sebarang perubahan. Perubahan penting akan dikenal pasti di bahagian atas dasar ini. Kami mengambil maklum bahawa di bawah CCPA California yang baharu, kami diperlukan untuk mengkaji semula dan mengemas kini Notis Privasi ini setiap tahun.

## **Bagaimanakah anda boleh menghubungi Otis?**

Jika anda mempunyai soalan tentang amalan privasi Otis secara umum, sila e-mel kepada kami di [privacy@otis.com](mailto:privacy@otis.com) . Atau anda boleh menghubungi kami di 833-833-3001.

Kali terakhir dikemas kini: 28 Januari 2020